

**INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,  
GOVERNMENT AND COMMUNICATION  
(IJLGC)**  
[www.ijlgc.com](http://www.ijlgc.com)



## **HAK PERSAUDARAAN DAN PERSAHABATAN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM: SATU TINJAUAN AWAL**

*BROTHERHOOD AND FRIENDSHIP RIGHTS ACCORDING TO ISLAMIC  
PERSPECTIVE: AN EARLY SURVEY*

Saifulazry Mokhtar<sup>1\*</sup>, Kasoma Thia<sup>2\*</sup>, Mohd Sohaimi Esa<sup>3\*</sup>, Mohd Khairi Lebai Ahmad<sup>4</sup>, Sharifah Darmia Sharif Adam<sup>5</sup>, Azmin Pullong<sup>6</sup>

<sup>1</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah  
Email: saifulazry.mokhtar@ums.edu.my

<sup>2</sup> SMK Tebbon, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia  
Email: kasomathia1977@gmail.com

<sup>3</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah  
Email: msohaimi@ums.edu.my

<sup>4</sup> Kolej Tingkatan Enam Kota Kinabalu, Kota Kinabalu, Sabah  
Email: g-09243566@moe-dl.edu.my

<sup>5</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah  
Email: shdarmia@ums.edu.my

<sup>6</sup> Universiti Teknologi Mara Cawangan Sabah Kampus Tawau  
Email: azminpullong@uitm.edu.my

\* Corresponding Author

### **Article Info:**

#### **Article history:**

Received date: 15.03.2023

Revised date: 10.04.2023

Accepted date: 31.05.2023

Published date: 06.06.2023

#### **To cite this document:**

Mokhtar, S., Thia, K., Esa, M. S., Ahmad, M. K. L., Adam, S. D. S., & Pullong, A. (2023). Hak Persaudaraan Dan Persahabatan Menurut Perspektif Islam: Satu Tinjauan Awal. *International Journal of Law, Government and Communication*, 8 (32), 292-308.

**DOI:** 10.35631/IJLGC.832023.

### **Abstrak:**

Persaudaraan (ukhuwwah) merupakan asas kepada kesatuan umat manusia dalam sesebuah entiti masyarakat. Citra dan hati budi seseorang itu bukan bergantung kepada bangsa, warna kulit, keturunan, pangkat atau hartanya, tetapi diukur berdasarkan ketinggian budi pekerti yang terpuji. Dalam kerangka persaudaraan ini, interaksi sosial sesama manusia perlu mengikuti adab-adab yang telah digariskan oleh Islam. Bagi mencerminkan persaudaraan menurut batas-batas syariah maka konsep persaudaraan ini perlu didasari dengan ikatan akidah yang luhur dan mantap. Pengabaian hak-hak ini akan menimbulkan perselisihan faham, persengketaan serta memutuskan hubungan silaturahim antara Muslim. Justeru, kajian ini dijalankan bertujuan untuk menganalisis konsep persaudaraan dan persahabatan dalam Islam serta melihat bagaimana semangat persaudaraan dan persahabatan ini dapat diterapkan dalam seharian umat Islam. Kajian ini menjurus kepada kajian analisis dokumen iaitu dengan melihat kepada tafsir al-Quran dan coretan hadis serta kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan persaudaraan dan persahabatan. Hasil kajian mendapat terdapat pelbagai bentuk hak persaudaraan dan persahabatan yang telah disarankan oleh Islam bagi memastikan hubungan antara seorang Muslim dengan Muslim lain terbina seperti hak dalam bidang harta, hak memberi

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



bantuan jiwa dan raga, hak memelihara lidah dan hati, hak memelihara ucapan, hak memberi kemafaan, hak mendoakan sahabat, hak menepati janji dan ikhlas diri dan hak memberi kemudahan. Dengan melaksanakan seluruh hak persaudaraan dan persahabatan tersebut dalam kehidupan, maka sudah pasti masyarakat Islam dapat mengelakkan perselisihan faham antara Muslim serta terus kekal dalam keharmonian dan kesejahteraan sejarah dengan melestarikan masyarakat madani yang diimpikan di bawah payung Rahmat Allah SWT.

#### Kata Kunci:

Hak, Persahabatan, Persaudaraan, Perspektif Islam

#### Abstract:

Brotherhood (ukhuwwah) is the foundation of the unity of mankind in a society entity. A person's image and heart depend not on his race, color, ancestry, rank, or property, but are measured based on the height of commendable character. Within the framework of this fraternity, social interaction among people should follow the manners outlined by Islam. To reflect the brotherhood according to the boundaries of syara', the concept of brotherhood should be based on a noble and steady bond of faith. The neglect of these rights will lead to disagreements, disputes and sever ties between Muslims. Thus, this study was conducted to analyze the concept of brotherhood and friendship in Islam as well as to see how this spirit of brotherhood and friendship can be applied in the day of Muslims. This study focuses on the study of document analysis which is to look at the interpretation of the Quran and the snippets of hadiths as well as past studies related to brotherhood and friendship. The results of the study found that there are various forms of brotherhood and friendship rights that have been recommended by Islam to ensure that the relationship between a Muslim and another Muslim is built such as rights in the field of property, the right to provide assistance to the soul and body, the right to preserve the tongue and heart, the right to preserve speech, the right to give a living, the right to pray for friends, the right to keep promises and to be sincere and the right to provide facilities. By exercising all the rights of such brotherhood and friendship in life, it is certain that the Muslim community can avoid disagreements between Muslims and continue to remain in harmony and well-being in line with the preservation of the civil society dreamed of under the umbrella of Rahmat Allah SWT.

#### Keywords:

Brotherhood, Friendships, Islamic Perspectives, Rights

## Pengenalan

Secara realitinya, setiap manusia perlu kepada pasangan hidup sama ia dikategorikan sebagai suami isteri, saudara mara ataupun sahabat. Dalam kehidupan, tidak ada sesiapa pun yang ingin hidup dalam keseorangan atau dipinggiri oleh orang lain maka ini menunjukkan bahawa kita memerlukan seorang sahabat atau teman untuk menemani kita sepanjang kehidupan (Yusof & Abdullah, 2017). Berdasarkan Kamus Dewan (2005), sahabat ditakrifkan sebagai seorang kawan, teman atau taulan. Sahabat akan sentiasa berada di sisi kita manapun pada waktu senang dan susah, sewaktu kesusahan itu, mereka tidak akan meninggalkan kita namun membantu kita untuk mengharungi masalah yang ditimpa. Suatu peringatan adalah sahabat tidak semestinya orang lain yang tidak mempunyai sebarang pertalian darah dengan kita malah ahli keluarga, suami, isteri juga boleh diiktiraf sebagai sahabat. Seorang sahabat yang baik

mampu membantu kita dalam membina keperibadian diri yang tinggi. Jika kita mempunyai masalah, mereka akan sentiasa berada di sisi untuk mendengar segala luahan dan keluhan sahabatnya. Mereka juga akan sentiasa mendoakan kesejahteraan kita dan menjadi seorang yang prihatin serta bertimbang rasa.

Dalam konteks Islam, umatnya digalakkan untuk saling berkenalan dan bergaul sesama insan lain tanpa mengira kaum, bangsa, agama dan budaya. Walau bagaimanapun, tidak semua manusia layak untuk dijadikan sahabat kerana sahabat sejati itu mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri. Menurut Mokhtar dan rakan-rakan (2019), cara untuk memberikan galakan dan nasihat dalam Islam termasuklah kepada sahabat adalarn dengan mengajak manusia supaya patuh kepada perintah Allah SWT. Oleh itu, kita mestilah memilih sahabat dengan bijak supaya kita tidak tersalah jalan dan tersasar dengan rahmat Allah SWT. Perkara yang harus dititikberatkan adalah mencari sahabat yang mampu menjaga batasan dan dapat membawa kita ke jalan yang lebih baik iaitu mentaati Allah SWT dan rasulnya (al-Fated, 2017). Seorang sahabat yang jahat dan tidak bermoral hanya membawa kita dalam melakukan sesuatu yang negatif dan kita akan lebih jauh dari jalan ke arah yang betul. Seperti sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: *"Perumpamaan bersahabat dengan orang baik atau orang jahat itu seperti berkawan dengan seorang yang membawa wangian kasturi atau berkawan dengan seorang tukang besi. Pembawa wangian kasturi itu sama ada ia memberikannya kepadamu atau kamu membeli wangian tersebut darinya ataupun (paling tidak) kamu akan dapat menghidu wangian haruman tersebut. Manakala tukang besi pula, sama ada ia membakar pakaian kamu, atau kamu (hanya) akan mendapat bau yang busuk darinya"* (Hadis Riwayat al-Bukhari:5534,1998).

Dewasa ini, banyak pertikaian telah berlaku dalam kalangan umat Islam yang direkodkan disebarluaskan oleh media masa melibatkan hubungan persaudaraan dan persahabatan antara Muslim. Fenomena ini berlaku adalah disebabkan oleh ada dalam kalangan Muslim yang tidak memahami dan menghayati hak persaudaraan dan persahabatan yang dianjurkan oleh Islam sepenuhnya. Apa yang lebih menyedihkan lagi, persengketaan ini bukan sahaja melibatkan sesama Muslim tetapi turut melibatkan darah daging dalam sesebuah keluarga. Hal ini terjadi kerana ada yang terlalu mengejar habuan dunia, harta dan pangkat sehingga memutuskan hubungan kekeluargaan dengan mengambil keputusan di luar jangkaan dengan mengugut bunuh ahli keluarga (Mohamad, 2021), membaling pisau kepada ahli keluarga (Md Amin, 2022), menikam ahli keluarga (Zakarya, 2022) dan yang lebih dahsyat lagi berlakunya pembunuhan dalam ahli keluarga (Adnan, 2022) dan (Razak, 2023). Senario ini jelas menggambarkan bahawa masyarakat Muslim kita leka dan alpa dengan hak persaudaraan sesama Muslim sehingga mereka sanggup melakukan perkara-perkara yang telah diharamkan oleh Allah SWT yang tergolong dalam dosa-dosa besar.

Selain tidak memahami hak persaudaraan sesama Muslim, terdapat juga segelintir masyarakat Muslim yang tidak mengetahui batas-batas persahabatan yang dituntut oleh Islam. Konsep menyanyangi dan menyantuni sahabat yang dipaparkan jelas membimbangkan masyarakat Muslim kini. Ada juga dalam kalangan Muslim yang terlalu taasub dengan persahabatan sehingga lupa batas pergaulan antara sesama Muslim, apatah lagi yang bersahabat pena dengan jantina yang berlainan sehingga ada yang sanggup menukar dan mengubah jantina sedia ada atas dasar ingin mengikut jantina sahabatnya. Ada dalam kalangan masyarakat Muslim kini yang sanggup membantu sahabatnya untuk melakukan jenayah disebabkan untuk menjaga hati sahabatnya. Hal ini jelas menunjukkan bahawa mereka masih ampuh dalam memahami hak

persahabatan sebenar menurut Islam. Nilai persahabatan boleh runtuh akibat pemahaman politik (Sinar Harian, 2019), kerugian wang tunai akibat janji persahabatan (Sabri, 2022), berjanji sehidup semati angkara najis dadah (Hasbi, 2022) dan yang lebih menyakitkan lagi apabila sanggup berkerjasama dalam jenayah bunuh (Abdul Kadir, 2022) dan (Hussein, 2022). Perbuatan ini jelas bertentangan dengan tuntutan syarak dan melanggar hukum Allah SWT. Pemahaman salah yang membelenggu akal dan fikiran mereka dalam menafsir ayat-ayat Allah SWT jelas ketara. Firman Allah SWT yang bermaksud: “*Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebaikan dan takwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan permusuhan. Bertakwalah kepada Allah, sungguh, Allah sangat berat siksaan-Nya*” (Surah al-Maidah 5:2).

Ayat 2 dalam surah al-Maidah di atas sangat jelas menggambarkan kepada kita bahawa umat Islam hanya dibenarkan untuk menolong dan bantu-membantu saudara atau sahabatnya dalam perkara-perkara yang menjurus kepada kebaikan (kebaikan) dan takwa kepada Allah SWT sahaja dan dilarang atau diharamkan untuk saling bantu membantu kepada perkara-perkara yang bersifat maksiat, mendatangkan dosa, memutuskan silaturahim, membawa permusuhan dan sebagainya. Bagi mengelakkan perkara itu berlaku, maka adab dan etika dalam persahabatan perlu diberikan perhatian bagi memastikan persahabatan itu kekal serta mendapat rahmat dan inayah dari Allah SWT. Antara caranya adalah dengan memahami hak-hak persaudaraan dan persahabatan ataupun juga dikenali sebagai hak-hak ukhuwah. Menurut Hayatin (2004), dalam al-Quran telah menyatakan hubungan persaudaraan antara manusia bukan hanya disebabkan oleh hubungan keturunan tetapi juga dari hubungan keimanan. Hak-hak ini mampu dijadikan sebagai panduan untuk kita bagi menjaga hubungan persaudaraan dan persahabatan agar ia akan berkekalan lebih panjang.

## Kajian Literatur

Sebelum perbincangan ini dilanjutkan, terlebih dahulu pengkaji menjalankan kajian literatur berkaitan dengan hak persaudaraan dan persahabatan. Secara tuntasnya, pengkaji tidak menemui kajian berkaitan dengan hak persaudaraan dan persahabatan dijalankan secara bersama. Dalam kajian yang melibatkan persaudaraan, pengkaji dapat kajian Jalal (2012) melihat nilai persaudaraan yang sebenar menurut Islam. Beliau berpendapat, masyarakat Muslim perlu berkasih sayang berpandukan prinsip Islam kerana persaudaraan sebegini sebenarnya mengangkat ke mercu paling tinggi mengatasi persaudaraan berdasarkan keturunan dan bangsa. Dalam kajian Anandari dan Afriyanto (2022) pula membicarakan berkaitan Konsep Persaudaraan dan Toleransi dalam Membangun Moderasi Beragama pada Masyarakat Multikultural di Indonesia menurut Perspektif Kh. Hasyim Asy'ari. KH. Hasyim Asy'ari dengan pemikiran menawarkan tawaran untuk membangun kerukunan dalam keberagamaan dengan semangat persaudaraan dan toleransi. Hasil kajian beliau menunjukkan bahawa landasan teologis yang digunakan oleh Kiai Hasyim Asy'ari untuk membangun semangat persaudaraan adalah berdasarkan ayat-ayat al-Qur'an.

Selain itu, pengkaji turut melihat kajian-kajian lepas berkaitan dengan nilai persahabatan. Kajian Yusof dan Abdullah (2017) bertujuan untuk mengemukakan beberapa adab dan etika yang telah dianjurkan dalam Islam. Hasil kajian beliau mendapati Islam amat mengambil berat terhadap hubungan persahabatan dengan menggariskan beberapa kod etika yang penting sebagai tunjang kepada persahabatan tersebut. Dalam kajian Ahmad Pazil (2020) pula membincangkan sejauh mana media sosial membantu untuk mengukuhkan atau melemahkan amalan intimasi dalam persahabatan akrab bagi pelajar Malaysia yang berhijrah ke United

Kingdom dengan meneliti corak interaksi mereka. Empat corak interaksi yang telah dikenal pasti adalah penambahan atau penyingkiran nama sahabat akrab, kekerapan hubungan, tempoh dan medium interaksi dan kandungan interaksi.

Kajian Sholichah dan rakan-rakan (2022) pula bertujuan untuk melihat peranan kualiti persahabatan terhadap harga diri. Hasil penelitian menunjukkan bahawa kualitas persahabatan berperan dalam mempengaruhi tinggi rendahnya harga diri pada mahasiswa muslim. Semakin tinggi kualitas persahabat maka semakin tinggi pula harga diri pada mahasiswa muslim. Kajian Othman (2019) mengkaji pengalaman ekspatriat berinisiatif sendiri dalam menempuh ekspatriasi dengan pengaruh keluarga dan sokongan hubungan persahabatan. Pentafsiran ahli keluarga terhadap makna pengalaman ekspatriasi yang ditempuh memberi kewajaran bagi ekspatriat untuk kekal berada di negara tuan rumah. Manakala sokongan moral dari persahabatan memberi indikasi positif terhadap prestasi yang ditunjukkan oleh ekspatriat dalam konteks kerja sepanjang melaksanakan tugas antarabangsa.

Kajian Aziz (2021) pula memfokuskan kepada informan Melayu yang beragama Islam dan merupakan pelajar Universiti Sains Malaysia dalam persahabatan akrab berlainan jantina. Kajian ini mendapat bahawa makna persahabatan akrab berlainan jantina adalah sama dengan persahabatan akrab sama jantina tetapi berbeza dari perspektif batas pergaulan, emosi dan sensitiviti, rahsia dan kepercayaan serta persaingan. Malah, persahabatan akrab berlainan jantina bukan hanya bersifat platonik tetapi juga melibatkan hubungan romantik. Amalan agama dalam persahabatan akrab berlainan jantina dapat dilihat dalam konteks batasan pergaulan iaitu fizikal, batas perbualan dan batas aurat. Manakala, amalan intimasi dalam persahabatan akrab berlainan jantina dibincangkan dalam konteks fizikal, emosi dan spiritual. Kajian Norazman dan Mohammed Zabidi (2021) bertujuan untuk mengkaji berkenaan impak media sosial terhadap persahabatan. Kajian ini mendapat terdapat banyak impak negatif berbanding impak positif berkenaan penggunaan media sosial terhadap hubungan persahabatan. Antara impak positifnya ialah kesalingterhubungan, mengatasi masalah kesunyian, mengelakkan tekanan perasaan dan mengeratkan hubungan silaturrahim. Manakala impak negatifnya pula seperti menimbulkan rasa tidak puas hati, berada dalam keadaan bahaya, berpotensi kehilangan kawan yang sebenar, sukar untuk mempercayai seseorang, harapan palsu dan niat yang boleh diragui.

### Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk melihat hak-hak persaudaraan dan persahabatan dalam Islam berteraskan kepada al-Quran dan al-Sunnah. Kajian ini berbentuk kualitatif iaitu dengan merujuk kepada kajian lepas yang dijalankan oleh para sarjana berkaitan dengan hak-hak persaudaraan dan persahabatan menurut kaca mata Islam. Hasil daripada dapatan kajian tersebut akan diolah mengikut keutamaan objektif penulisan artikel ini dengan menumpukan kepada saranan Islam terhadap hak-hak persaudaraan dan persahabatan sesama Muslim. Hasil dapatan kajian ini diketengahkan sebagai panduan dan rujukan kepada khalayak pembaca bagi merealisasikan sebuah masyarakat madani seperti yang disarankan oleh Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim.

### Hak-Hak Persaudaraan dan Persahabatan

Menurut perspektif Islam, persaudaraan atau "ukhuwwah" adalah sangat penting dan mendapatkan perhatian yang tinggi dalam kalangan masyarakat. Dari sudut persaudaraan Islam, al-Quran dan al-Sunnah memberikan pesanan dan menganjurkan agar sesama Muslim

haruslah sentiasa menjaga persaudaraan antara satu sama lain. Sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “*Seorang mukmin bagi mukmin lainnya laksana bangunan yang menguatkan satu sama lain*” (Hadith Riwayat Muslim, No. 2585). Agama Islam sangat menekankan persatuan dan persaudaraan. Maka, persaudaraan adalah keajaiban, seorang Muslim adalah saudara terhadap Muslim yang lain, mereka harus saling memahami, mencintai antara satu sama lain. Dalam sejarah kehidupan umat manusia, masalah perselisihan faham dan pertelingkahan dalam keluarga sering kali berlaku atas berbagai sebab dan faktor. Misalnya faktor kecemburuan dan ketidakadilan, masalah warisan harta atau masalah lain yang menyebabkan berlakunya perselisihan faham antara persaudaraan keluarga. Untuk menjaga hubungan persaudaraan dalam keluarga, nabi Muhammad SAW telah menegaskan dengan sabdanya: “*Jika kalian berbuka, maka berbukalah dengan buah kurma kerana buah kurma mengandungi keberkahan. Jika kalian tidak mendapatinya, maka berbukalah dengan air kerana sesungguhnya air itu suci*”. Baginda juga bersabda: “*Sedekah kepada orang miskin hanyalah sedekah, sedangkan sedekah kepada kaum kerabat akan mendapat dua (pahala) iaitu pahala sedekah dan menyambung silaturahim*” (Hadis Riwayat Tirmizi, No. 594).

Di samping itu, terdapat banyak pendapat dan penerangan terhadap persahabatan dari perspektif Islam. Menurut perspektif Islam, antara sunnah kehidupan bermasyarakat yang menjadi asas dalam kehidupan sesama manusia adalah persahabatan. Agama Islam amat memupukan hubungan persahabatan yang penuh dengan persaudaraan dan kecintaan. Dalam al-Quran, Allah SWT berfirman yang bermaksud: “*Hai, manusia! Sesungguhnya kami telah menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan, dan kami jadikan kamu beberapa bangsa dan suku-suku bangsa, supaya kamu mengenal satu sama lain. Sesungguhnya yang paling mulia antara kamu dalam pandangan Allah ialah yang lebih bertakwa (memelihara diri dari kejahatan). Sesungguhnya Allah itu maha tahu dan mengerti*” (Surah Al-Hujurat; 13)

Menurut al-Ghazali (1994), beliau menerangkan bahawa persahabatan itu adalah seperti berada di kedudukan sebuah kekeluargaan. Maka apabila persaudaraan itu telah terikat erat, nescaya akan menjadi teguh dan kukuh. Oleh itu, wajib disempurnakannya menurut apa yang diwajibkan pada ikatan persahabatan tersebut. Pengertian persahabatan yang dimaksudkan oleh al-Ghazali itu ialah persahabatan adalah seseorang yang duduk bersama, bercampur-gaul serta berkenalan dengannya, dan menjadikan sebahagian dari mereka sebagai sahabat yang rapat. Apabila mereka saling kasih-mengasihi, sayang-menayangi dan hormat-menghormati, terjadilah talian persahabatan yang teguh antara manusia dengan manusia. Seterusnya, persahabatan yang dimaksudkan oleh al-Ghazali juga menegaskan bahawa persahabatan berasaskan budi baik iaitu dengan melakukan perbuatan yang baik sesama kenalan sehingga wujudnya sikap saling berkasih sayang. Hasil dari kajian yang dijalankan, pengkaji telah menemui lapan jenis hak persaudaraan dan persahabatan dalam menurut perspektif Islam. Berikut adalah kupasan danuraian hak-hak persaudaraan dan persahabatan menurut pandangan Islam sebagai panduan dan rujukan masyarakat Islam khususnya dan masyarakat lain amnya.

### **Hak dalam Bidang Harta**

Islam amat mementingkan hak persaudaraan antara Muslim kerana seseorang Muslim itu tidak dapat hidup secara sendirian di atas muka bumi ini. Oleh kerana persaudaraan itu penting, maka setiap Muslim perlulah menjaga hak persaudaraan tersebut sebaik mungkin. Sifat terpuji ataupun sifat mahmudah merupakan sifat-sifat baik yang perlu ada dalam setiap diri manusia (Mokhtar

& rakan-rakan, 2021a) termasuklah dalam mengutamakan nilai persaudaraan dan persahabatan. Ini bertepatan dengan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud “*Seseorang Muslim merupakan saudara kepada Muslim (yang lain), seseorang itu tidak boleh mengkhianat dan dia juga tidak akan dikhianati oleh orang lain. Sesiapa yang menunaikan hajat saudaranya maka Allah SWT akan turut menunaikan hajatnya. Sesiapa yang meringankan beban seseorang Muslim maka Allah SWT juga akan meringankan bebannya pada hari kiamat. Sesiapa yang menutup aib seseorang Muslim maka Allah SWT juga akan menutup aibnya pada hari kiamat*” (Hadith riwayat al-Bukhari, No.2442, 6901, Muslim, No.2580).

Sebuah ikatan persaudaraan itu tidak akan menjadi sempurna jika kedua-dua saudara tersebut tidak bersatu padu dalam membuat keputusan. Seperti mana yang telah diriwayatkan di dalam sebuah hadis “*Perumpamaan kedua saudara itu adalah seperti kedua tangan iaitu yang satu membersihkan yang lain*” (al-Ghazali, 1994). Berdasarkan perumpamaan ini kita dapat melihat bahawa menjadi seorang saudara itu perlulah saling tolong-menolong dan tidak bersikap tamak sesama saudara kerana di dalam hadis juga telah dinyatakan bahawa adalah menjadi kewajipan serta tanggungjawab setiap umat Muslim untuk menolong serta mengurangkan beban di antara Muslim yang ditimpa kesulitan (Razif, 2018).

Menurut al-Ghazali (1994), terdapat tiga peringkat untuk membantu saudara yang mempunyai masalah kewangan. Pada peringkat pertama adalah kita menganggap saudara itu sebagai seorang khadam. Istilah Khadam adalah pembantu manusia dalam kalangan jin tetapi istilah kahadam di dalam konteks ini berbeza kerana khadam dalam konteks ini adalah pembantu atau orang suruhan seperti orang gaji. Sebelum membantu saudara yang lain kita akan memenuhi segala keperluan diri dahulu dan selepas itu jika kita mempunyai harta yang berlebihan maka kita boleh memberikan atau menyumbangkan harta kita itu kepada saudara yang lebih memerlukannya. Untuk membantu saudara yang lain kita tidak seharusnya menunggu sehingga mereka datang kepada kita dan meminta bantuan tetapi kita seharusnya menawarkan bantuan itu terlebih dahulu kerana jika kita tidak mempedulikan mereka dan mereka terpaksa datang untuk meminta bantuan maka ia bukan persaudaraan yang baik (al-Ghazali, 1994).

Pada peringkat kedua pula adalah kita boleh menganggap saudara kita itu seperti diri kita sendiri. Oleh yang sedemikian kita tidak boleh menyimpan sebarang perasaan seperti inginkan balasan pada masa hadapan kerana kita telah menganggap saudara kita itu seperti diri kita maka kita dengan hati yang terbuka sanggup untuk membahagikan serta berkongsi harta yang kita miliki tersebut kepada saudara kita. Jika kita benar-benar menganggap seseorang itu seperti diri kita maka segala kekayaan yang kita miliki boleh dikongsikan kepada saudara kita kerana apabila kita membantu saudara kita itu ia sama seperti kita membantu diri kita sendiri’ Maka sebab itulah segala pemberian harta tersebut seharusnya diberikan dengan hati yang ikhlas tanpa mempunyai sebarang niat yang jahat (al-Ghazali, 1994).

Seterusnya, pada peringkat ketiga adalah segala permintaan dan keperluannya akan kita dahulukan dan kita akan memenuhi permintaan dan keperluan kita setelah kita berikan keutamaan kepada orang lain. Di dalam Islam selalunya perkara sedemikian hanya akan dilakukan oleh orang-orang yang berkata benar dan juga melakukan perbuatan yang ikhlas serta benar (al-Ghazali, 1994). Di dalam peringkat ini seseorang itu akan melebihkan serta mengutamakan orang lain berbanding dirinya sendiri. Sebagai kesimpulannya, kita sebagai saudara dan juga sahabat seharusnya membantu diantara satu sama yang lain kerana ringan

sama dijinjing berat sama dipikul. Dalam hak persaudaraan di dalam bidang harta, seseorang itu mempunyai hak untuk menguruskan dan memberikan atau berkongsi hartanya dengan saudara-mara apabila mereka menganggap saudaranya seperti khadam dan juga mengagapnya seperti diri mereka sendiri. Selain daripada menganggap saudara kita seperti sedemikian kita juga boleh mendahulukan saudara kita. Oleh sebab itu, dengan adanya hak-hak ini kita dapat menguruskan harta peribadi kita dengan cara yang betul dan dalam masa yang sama kita juga dapat mengeratkan lagi hubungan persaudaraan kita dengan saudara kita.

### **Hak Memberi Bantuan Jiwa dan Raga**

Umat Islam sesama mereka adalah bersaudara dan apabila bersaudara, muslim perlulah menjaga di antara satu sama lain. Sama seperti apabila ia melibatkan persahabatan, perlulah ia melayan sahabatnya seolah-olah mereka bersaudara walaupun berbeza agama terutama di negara Malaysia yang bukan sahaja mempunyai pelbagai agama tetapi juga pelbagai bangsa dan budaya. Persahabatan yang dimiliki bukan sahaja hubungan yang tidak mempunyai pertalian darah namun ianya juga boleh dikatakan sebagai persahabatan walaupun hubungan tersebut terdapat pertalian darah (al-Fateh, 2017). Perhatian yang diberikan kepada sahabat yang tidak mempunyai talian kekeluargaan biasanya akan melebihi daripada saudara kandung sendiri (al-Fateh, 2017). Itulah persahabatan dan persaudaraan yang ditunjukkan dengan membantu mereka semasa senang atau susah dan merasakan kegembiraan atau kesedihan yang mereka alami.

Dalam persahabatan dan persaudaraan, sikap saling membantu merupakan salah satu kunci utama dalam memastikan hubungan persahabatan dan persaudaraan kekal dan semakin erat. Hubungan persahabatan ada kalanya mampu membantu kita dalam kehidupan dan merupakan pihak kedua selain daripada pertolongan ahli keluarga sendiri. Ini kerana ketika keluarga tidak mampu untuk memberi sokongan sepenuhnya kepada kita, sahabat merupakan orang kedua yang kita akan rujuk dan minta pertolongan. Sahabat berhak untuk mendapat bantuan dari segi jiwa dan raga. Seorang sahabat perlulah memberi bantuan dan sanggup untuk memenuhi permintaan sahabat dengan semampu yang boleh. Ia perlu dilakukan dengan hati yang ikhlas dan menunjukkan muka yang manis sama juga kepada sahabat yang diberi bantuan (al-Ghazali, 2008). Berdasarkan agama Islam, perkara-perkara tersebut merupakan peringkat yang terendah dalam memberi bantuan jiwa dan raga kepada rakan. Perkara ini juga dapat dilakukan kepada saudara kerana ia merupakan salah satu hak dalam persahabatan dan persaudaraan. Oleh itu, saudara juga berhak untuk meminta pertolongan dari segi jiwa dan raga.

Pelbagai bentuk bantuan jiwa dan raga yang dapat kita lunaskan kepada sahabat atau saudara seperti membantu mereka ketika mereka dalam kesempitan ataupun kesusahan. Apabila seorang sahabat atau saudara ditimpa musibah seperti kehilangan tempat tinggal, maka sebagai seorang yang mempunyai hubungan rapat dengan mereka haruslah membantu mereka dengan mencari tempat tinggal sementara kepada mereka dan cuba mengumpul dana daripada pelbagai jenis bantuan untuk membina rumah yang baharu untuk mereka. Pada waktu yang sama, mereka yang diberikan bantuan perlulah berterima kasih terhadap individu yang membantu diri dan keluarganya walaupun mereka tahu bahawa mereka berhak untuk menerima bantuan tersebut. Mereka juga perlu beradab atas bantuan yang diberikan kerana mereka telah membantu mereka dengan jiwa dan raga. Dengan tolerasi yang ditunjukkan ini jelas menggambarkan kepada kita bahawa nilai hak persaudaraan dan persahabat itu sangat tinggi harganya dan sukar untuk dibayar dengan wang ringgit.

### Hak Memelihara Lidah dan Hati

Dalam memelihara hak persaudaraan dan persahabatan juga perlunya seseorang menjaga pertuturnya dalam berkomunikasi antara sahabat. Lidah merupakan anggota tubuh yang dikurniakan kepada manusia oleh Allah SWT yang sangat ternilai yang membolehkan kita berbicara dan berkomunikasi antara satu sama lain. Rasulullah SAW bersabda: “*Amal yang paling banyak memasukkan manusia ke syurga ialah taqwa kepada Allah dan akhlak yang baik.*” Baginda ditanya lagi, “*Apa penyebab banyaknya manusia masuk neraka?*” Rasulullah SAW menjawab, “*Mulut dan kemaluan.*” (Riwayat at-Tirmidzi). Justeru itu, kita sebagai seseorang manusia yang ada sifat penyayang kepada sahabat kita perlulah berhati-hati dalam berbicara.

Selain itu, hati juga berperanan besar dalam menjaga hubungan persaudaraan dan persahabatan seseorang. Hati dalam bahasa Arab *al-Qalb* yang bertanggungjawab dalam menolong, mengawal dan mengendali elemen anggota badan yang lain. Tambahan pula, hati juga dapat dijelaskan dengan kata keimanan dan keyakinan seseorang manusia itu. Ini kerana dalam kehidupan seharian kita akan melakukan pelbagai amalan yang berkait rapat dengan hati atau dikenali sebagai niat. Dalam hadis ada mengatakan bahawa hati berperanan dalam menentukan akhlak seseorang malahan Rasulullah SAW menyifatkan bahawa baik atau buruk akhlak seseorang itu bergantung kepada hatinya. Hal ini dapat dibuktikan dengan hadis yang bermaksud “*Dan sesungguhnya di dalam satu jasad ada seketul daging. Jika ia baik, maka baiklah seluruh anggota dan jika rosak maka rosaklah seluruh anggota. Ketahuilah, ia adalah hati.*” (Riwayat Bukhari). Tambahan pula dalam erti kata lain, hati ini adalah raja kepada seluruh anggota badan manusia yang mengawal dan mengarah kelima-lima pencaindera kita untuk melakukan kebaikan atau keburukan. Oleh itu, dalam menjaga persahabatan niat dan hati ini perlulah seimbang dan janganlah bergurau mengikut kepada perkara yang boleh menyakiti hati orang lain.

### Hak Memelihara Ucapan

Menjaga hubungan persaudaraan dan persahabatan itu terjadi bukan sahaja dalam menjaga lidah dan hati tetapi dalam ucapan juga penting. Menurut Mokhtar dan rakan-rakan (2022a), ucapan seseorang itu sangat berkait rapat dengan tingkah laku individu tersebut. Selain itu, dalam memelihara hubungan persahabatan ini tidak semestinya untuk menghindar ucapan-ucapan yang buruk yang terzahir tanpa kawalan, tetapi sebagai manusia yang berakal, kita juga boleh membezakan perkara yang baik atau buruk dengan memberi ucapan dan menzahirkan perkataan yang baik. Seterusnya, dalam bersahabat kita haruslah berkata benar dan janganlah berdusta kerana ucapan yang baik mengandungi kebenaran dan manfaatnya. Menurut Mokhtar dan rakan-rakan (2021b), kata-kata yang benar akan menyelamatkan kita dari segala masalah. Manusia juga perlu berkata benar dalam apa jua keadaan, walaupun ketika marah dan tidak menuruti hawa nafsu. Contohnya, dalam menyampaikan sesuatu isu yang terjadi di dalam sesebuah negara ia perlulah sahih dan tidak wajar ditokok tambah untuk menghairahkan lagi cerita tersebut.

Selain itu, dalam berkongsi ilmu antara satu sama lain perlu wujudnya sifat keikhlasan dan tutur kata yang baik agar ilmu itu boleh disampaikan dengan baik. Hal ini kerana, ucapan yang berunsurkan dusta merupakan penghalang bagi kejayaan seseorang itu. Sesungguhnya tiada sesuatu lain dapat merosakkan jalan yang betul, mendatangkan kemudarat dan membunuh ketakwaan kecuali lidah yang tidak terkawal. Banyak kemusnahan hidup yang dihadapi manusia dan masyarakat dicetuskan oleh kata-kata tidak bersumberkan maklumat yang betul,

hanya diasaskan kepada sangkaan semata-mata. Kata-kata yang kotor dan dusta sebenarnya boleh menjatuhkan maruah, mematikan persahabatan serta memutuskan apa yang diperintahkan Allah. Intihannya, menjaga lidah dan hati ini sama seperti kita menjaga hubungan persaudaraan dan persahabatan. Oleh itu, kita sebagai manusia perlulah menggunakaninya dengan baik agar tidak menimbulkan pergaduhan dan kebencian antara satu sama lain kerana ia merupakan asbab untuk manusia mengecapi ketenangan di dunia dan akhirat.

### Hak Memberi Kemaafan

Manusia telah diciptakan oleh yang Maha Pencipta dengan pelbagai kerendah, perangai dan akal fikiran yang berbeza. Perbezaan yang wujud dalam setiap manusia tersebut membuat mereka saling melengkapi dan memerlukan antara satu sama yang lain dalam apa juga keadaan seperti bekerja atau untuk melangsungkan kehidupan. Oleh disebabkan itu, akan timbul pertelingkaran atau perbalahan antara satu individu dengan individu yang lain atas sebab perbezaan yang wujud. Menurut Mokhtar dan rakan-rakan (2022c), dalam dunia maya kini, sering berlakunya perbalahan dan pertelingkaran sehingga melupakan kewajipan mengingati Allah, mendekatinya dan mengingati akhirat, syurga dan neraka, mengingati mati dan penderitaannya dan sebagainya. Perkara ini akan menjadi lebih parah dan boleh menyebabkan sesebuah hubungan itu akan porak peranda, lebih-lebih lagi hubungan antara persaudaraan dan persahabatan. Jika berlaku pertelingkaran atau perbalahan antara dua pihak mestilah salah seorang perlu merendahkan ego dan mengalah untuk kebaikan kerana jika api lawan dengan api maka api tersebut akan lebih menjadi besar. Menurut Mokhtar dan rakan-rakan (2021c), penggunaan komunikasi yang baik serta melibatkan interaksi dua hala telah menarik minat sahabat untuk meneruskan jalinan kasih sesama mereka. Oleh yang demikian, untuk memelihara hubungan persaudaraan dan persahabatan setiap individu perlu melaksanakan hak memberi kemaafan.

Perkataan kemaafan wujud daripada kata dasar maaf ditambah dengan imbuhan awal “ke” dan imbuhan akhir “an”. Islam amat menuntut agar umatnya memaafkan kesalahan orang lain walaupun tidak mudah kerana Islam merupakan agama yang mencintai kedamaian. Terdapat banyak kisah-kisah nabi yang boleh dijadikan contoh dalam memberi kemaafan. Benar tidak mudah untuk memberi kemaafan kepada orang lain tetapi perkara tersebut dapat membawa kepada kedamaian dalam hubungan antara dua individu (Muah, 2020). Firman Allah SWT yang bermaksud: *“jadilah pemaaf dan suruhlah orang mengerjakan yang makruf serta jangan mempedulikan orang-orang yang jahil.”* (surah al-A’raf, 199). Ayat ini jelas membuktikan kepada kita bahawa setiap umat diperintahkan agar memaafkan kesalahan orang lain serta jangan mendekati atau berkawan dengan orang-orang yang melakukan kejahilan.

Nabi Muhammad SAW menyatakan bahawa orang yang dekat dengannya pada hari kiamat kelak adalah orang yang berakhhlak mulia. Sifat-sifat manusia yang berakhhlak mulia salah satunya adalah pemaaf. Hal ini kerana sifat ini merupakan salah satu sifat yang ada pada diri Nabi Muhammad SAW. Banyak peristiwa yang mengisahkan tentang keperibadian Nabi Muhammad SAW seperti ketika baginda berdakwah, ramai penduduk Madinah menentang dakwah baginda termasuklah bapa saudara baginda Abu Jahal. Selain itu, baginda juga telah dilontarkan batu ketika berdakwah sehingga terdapat kecederaan di bahagian kepala tetapi baginda tetap bersabar, tidak berdendam dan sentiasa memberi kemaafan kepada si pelaku malah mendoakan kesejahteraan si pelaku (Harian Metro, 2019). Jelaslah, keperibadian Nabi

Muhammad SAW wajib dicontohi agar dapat memelihara hubungan persaudaraan dan persahabatan dengan orang lain.

Terdapat beberapa langkah untuk memberi kemaafan kepada orang lain salah satunya ialah merendahkan ego yang ada dalam diri dan menerima kesilapan yang telah orang lain lakukan. Perkara ini amatlah berat untuk dilakukan kerana ia melibatkan soal hati dan perasaan. Bagi orang yang berfikiran matang, mereka akan mudah memaafkan orang lain kerana sentiasa fikir akan kebaikan jika memaafkan kesalahan mereka. Hal ini kerana setiap manusia tetap akan melakukan kesilapan, bergantung kepada diri individu lain untuk menilai kesilapan yang telah mereka lakukan itu. Kekuatan jati diri amat diperlukan dalam memberi kemaafan kepada orang lain atas kesilapan atau kesalahan yang telah dilakukan oleh individu tersebut. Jangan biarkan diri kita dikuasai oleh emosi yang boleh menyebabkan perkara sekecil zarah menjadi sebesar bumi serta mengakibatkan hubungan persaudaraan dan persabatan tergugat.

### **Hak Mendoakan Sahabat**

Di dalam Islam juga mengajar pengikutnya untuk mencari sahabat yang baik serta mampu membimbing kita ke arah yang lebih baik. Sejarah merekodkan persahabatan di antara Nabi Muhammad SAW dengan rakananya iaitu Saidina Abu Bakar merupakan salah satu ikatan persaudaraan yang patut dijadikan sebagai contoh kepada umat Islam. Hal ini kerana, kedua-dua mereka mempunyai akhlak yang mulia, bersatu padu dalam perjuangan sehingga dapat melahirkan perasaan kasih dan sayang serta kemesraan. Rasulullah SAW bersabda: “*Rakan yang baik dan rakan yang tidak baik diumpamakan seperti pembawa kasturi dan peniup api kerana si pembawa kasturi mungkin akan memberikan kasturi tersebut kepada kamu atau kamu dapat membelinya atau kamu dapat menghidu baunya yang harum. Walaupun begitu peniup api berkemungkinan membakar pakaianmu atau kamu dapat menghidu baunya yang busuk*” (Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Seorang sahabat seharusnya mendoakan sahabatnya yang lain dan doa yang dialunkan mestilah doa yang baik untuk diri sahabat kita dan untuk seluruh ahli keluarganya mahupun orang di sekelilingnya. Hal ini kerana kita juga menginginkan doa yang baik-baik daripada sahabat kita dan oleh sebab itu kita perlu mendoakan sahabat kita sebagaimana kita mahu sahabat kita mendoakan kita. Kita juga akan kekal mendoakan sahabat kita tidak kira dia masih hidup ataupun telah meninggal dunia. Sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud “*Tidak ada seorang hamba yang muslim apabila berdoa kepada saudaranya yang berjauhan (tanpa pengetahuannya), melainkan malaikat berkata kepadanya: dan bagi kamu sepertinya (seperti yang didoakan)*” (Riwayat Muslim, No. 4912). Sebagai contoh, kita mendoakan sahabat kita yang masih hidup dan juga yang sudah meninggal dunia maka dengan doa-doa yang kita berikan itu dapat memberikan pahala yang setimpal kepada diri kita sendiri kerana apa yang kita doakan itulah yang akan didoakan oleh sahabat kita juga. Sebagai kesimpulannya, apabila kita mempunyai sahabat kita perlu sentiasa mendoakan yang terbaik untuk mereka dan juga mendoakan untuk mereka yang telah meninggal dunia.

### **Hak Menepati Janji dan Ikhlas Diri**

Janji merupakan perkara yang amat diambil peduli dan perkara yang wajib untuk ditunaikan kerana meninggalkannya atau tidak menepatinya adalah haram hukumnya dalam agama Islam. Menurut Mokhtar dan rakan-rakan (2021e), Islam juga melarang umatnya melafazkan janji tetapi mereka sendiri yang tidak dapat menunaikannya. Rasulullah SAW menyeru umat Islam untuk sentiasa bersikap jujur, menepati janji dan mengelak sifat khianat dan menipu (Harian

Metro, 2019). Nasihat ini perlu diaplikasikan dalam kehidupan umat Islam terutamanya dalam hubungan persahabatan dan persaudaraan kerana mengingkari janji terhadap seseorang bukan sahaja membuat individu itu marah, namun ia juga akan menghilangkan kepercayaan individu terhadap mereka yang selalu mengatakan janji tetapi tidak mengotakannya. Dalam bersahabat dan bersaudara, janji juga merupakan salah satu faktor yang boleh meruntuhkan hubungan jika tidak ditunaikan tetapi janji juga mampu mengeratkan lagi hubungan persahabatan dan persaudaraan jika ditunaikan seperti apa yang telah dijanjikan. Hal ini kerana janji melibatkan kepercayaan seseorang itu terhadap individu yang mempengaruhi persahabatan dan persaudaraan.

Manakala ikhlas hati melibatkan apa sahaja perkara yang baik kita lakukan kepada sahabat sama ada dalam bentuk fizikal, mental atau emosi tanpa meminta ganjaran ataupun pujian. Membantu sahabat atau saudara semasa susah, menasihati mereka daripada melakukan perkara batil dan juga mendengar masalah mereka tanpa bercerita kepada orang lain dengan hati yang ikhlas merupakan hak yang perlu ditunaikan oleh seorang terhadap sahabat ataupun saudaranya. Selain itu, hubungan persahabatan dan persaudaraan melibatkan perasaan kasih sayang yang mana seseorang individu seharusnya tidak mempunyai apa-apa perasaan atau niat yang buruk terhadap sahabat atau saudaranya kerana segala perbuatan baik yang dilakukan manfaatnya akan kembali kepada seseorang itu juga. Oleh itu, dalam bersahabat dan bersaudara haruslah memiliki hati yang ikhlas agar hubungan yang dijalankan dapat kekal lama. Menurut Mokhtar dan rakan-rakan (2021d), seorang pendakwah yang mahu menyampaikan dakwah Islam ini perlu mempunyai ilmu yang dalam tentang Islam sebelum menyampaikan kepada pihak lain kerana ia adalah indikator kepada kejayaan dakwah yang dijalankan dan ia perlu diterapkan dalam menjaga hak persaudaraan dan persahabatan sesame Muslim.

Sahabat dan saudara mempunyai hak untuk seseorang itu menepati janji dan juga membantu mereka dengan hati yang ikhlas. Hak ini adalah untuk menjaga keadilan dan mengelakkan penindasan terhadap sahabat dan saudara. Menurut Mokhtar (2014), ikhlas adalah amal kebijikan yang dilaksanakan oleh seseorang hanya semata-mata kerana Allah iaitu hanya mengharap keredaanNya. Ikhlas juga dapat dikaitkan dengan roh sesuatu am dan amal kebijikan, manakala amal ibadah yang ditunaikan oleh seseorang yang tidak disertai ikhlas, samalah seperti amal yang tidak mempunyai roh. Sebagai contoh, apabila sahabat atau saudara berjanji untuk mengajar subjek yang mereka mahir, wajiblah mereka untuk menunaikan janji yang telah dibuat namun jika terdapat halangan perlulah ia memberitahu kepada sahabat atau saudara yang mereka berjanji dengannya. Apabila mereka mampu menunaikan janji untuk mengajar seorang sahabat atau saudara perlulah mereka melakukannya dengan seikhlas hati tanpa meminta ganjaran. Menunaikan janji ini bukan sahaja mampu mengeratkan hubungan tetapi mereka juga akan mendapat manfaat seperti memahami subjek yang mereka dengan mahir dengan lebih mendalam.

### Hak Memberi Kemudahan

Manusia ditakdirkan dengan nilai rezeki yang berbeza antara satu dengan yang lain. Rezeki datang dalam pelbagai bentuk bukan sahaja harta tetapi ditemukan dengan orang-orang yang beriman juga merupakan satu rezeki. Ada yang diberikan rezeki kekayaan harta yang banyak, ada yang diberikan rezeki akal fikiran yang baik, ada yang diberikan rezeki keluarga yang harmoni dan bermacam-macam lagi. Menurut Mokhtar dan rakan-rakan (2021f) sumber rezeki tidak hanya terbatas kepada wang ringgit semata-mata bahkan ia juga dapat dizahirkan dalam bentuk material, harta, kesihatan, kebahagiaan, kelapangan waktu, ketenangan hati dan


kecerdasan fikiran. Akibat daripada itu, setiap manusia akan saling melengkapi antara satu sama lain untuk memastikan semua perkara berjalan dengan baik. Jika diberikan kekayaan maka wajiblah untuk memberi sedikit sumbangan kepada orang yang memerlukan, seperti syariat Islam yang menuntut umatnya untuk selalu bersedekah atau mengeluarkan zakat kepada orang yang lebih memerlukan. Hal ini kerana dengan pemberian itu akan membuat orang lain merasa bahagia dan dapat mencapai kesenangan hidup seketikan. Islam melarang umatnya untuk membebani ataupun menyusahkan orang lain kerana ia akan merengangkan tali persaudaraan. Dalam memelihara hubungan persaudaraan dan persahabatan, setiap individu perlu melaksanakan hak memberi kemudahan. Namun, sebagai seorang Muslim kita seharusnya menanamkan rasa bersyukur dengan kemudahan yang telah dikurniakan kepada kita termasuklah kemudahan media sosial. Menurut Mokhtar dan rakan-rakan (2022b), pada asalnya, laman-laman media sosial seperti *Facebook* dan *Myspace* dibangunkan sebagai satu alternatif bagi merapatkan jurang antara dua sahabat yang sudah lama tidak bersua muka, namun kemudahan ini seringkali disalah ertikan oleh masyarakat.

Islam amat menuntut agar tidak membebani orang lain demi menjaga hubungan silaturahim dengan mereka. Seorang saudara atau sahabat hendaklah tidak menyusahkan atau memberi beban kepada orang lain dengan sesuatu yang menjengkelkan iaitu berasa sakit hati atau kesal kerana permintaannya ditolak tapi seharusnya meringankan beban yang ditanggung oleh saudara atau sahabatnya. Sebagai contohnya, jika saudara atau sahabat mengalami masalah seperti masalah kerja dan memerlukan seseorang untuk meluahkan perasaan maka seharusnya sebagai saudara atau sahabat yang baik hendaklah bersedia menjadi pendengar yang baik baginya. Selain itu, jangan sesekali membebani saudara atau sahabat untuk melakukan perkara yang diluar kemampuan orang lain dengan cara memaksa atas alasan membantu saudara atau sahabat adalah satu kewajiban. Malahan, individu juga dilarang untuk mengharap sesuatu kasih sayang untuk diberikan kepadanya oleh saudara atau sahabat, melainkan saudara atau sahabat itu melakukannya kerana Allah SWT semata-mata ataupun menganggap perkara tersebut sebagai sumbangan kepada orang lain yang memerlukan.

Para ulama yang berpendapat “*sesiapa yang membebani saudaranya atau sahabatnya dengan sesuatu perkara yang tak dapat ditanggungnya, maka dia telah menganiayai saudara atau sahabat itu. Sesiapa membebani saudaranya atau sahabatnya pula dengan sesuatu yang pernah dia bebani sebelum itu, maka dia telah menyusahkannya. Dan sesiapa yang tidak pernah membebani saudaranya atau sahabatnya apa-apa pun, maka itulah orang yang paling utama dan paling unggul kepada sekalian saudaranya.*” Berdasarkan kepada pendapat-pendapat ulama ini jelas menggambarkan kepada kita bahawa beliau menyarankan agar individu dapat meringankan beban ataupun memberi kemudahan kepada saudaranya atau sahabatnya. Saidina Ali RA telah berkata: “*Seburuk-buruk kawan, ialah kawan yang sentiasa memberati kamu dengan perkara-perkara yang tidak tertanggung, menyebabkan kamu bersikap serba-salah dan menyeret kamu kepada memuat berbagai alasan*”. Selain itu, Ja’far bin Muhammad as-Siddiq RA pernah berkata, “*Seberat-berat kawan padaku, ialah kawan yang suka menyusahkan dirinya keranaku, sedangkan aku terpaksa berkira-kira terhadapnya. Dan serangan-ringan kawan pula, ialah kawan yang bila aku bersamanya sama seperti aku duduk seorang diri*”. Kesimpulannya, setiap individu disarankan untuk tidak memberi beban atau menyusahkan saudaranya atau sahabatnya atas kepentingan sendiri. Setiap individu diminta agar memahami saudara atau sahabatnya agar dapat melaksanakan hak memberi kemudahan. Rasullah SAW bersabda yang bermaksud: “*barang siapa memudahkan orang yang*

*dalam kesulitan, Allah S.W.T akan memudahkannya di dunia dan akhirat”(Riwayat Ibnu Majah).*

Secara ringkasnya, hak persaudaraan dan persahabatan menurut perspektif Islam adalah seperti rajah 1 berikut:



**Rajah 1: Ringkasan Hak-Hak Persaudaraan Dan Persahabatan**

Sumber: Kajian Lapangan 2023

### Kesimpulan

Secara konklusinya, menjaga hubungan persaudaraan dan persahabatan dalam mengeratkan lagi hubungan antara satu sama lain sangat penting disebabkan sikap dan tindakan yang kurang menyenangkan ini akan membuat hubungan persahabatan itu mulai renggang dan menyebabkan sehingga putusnya persahabatan. Oleh itu marilah kita bersama-sama dalam menjaga dan mempraktikkan segala apa yang telah kita ketahui dalam hak persaudaraan dan persahabatan ini dan berusaha dalam merealisasikan ukhuwah Islamiah yang sebenar sepertimana yang dilakukan oleh baginda Rasulullah SAW dan para sahabatnya kerana melalui perbuatan Rasulullah inilah yang menjadi punca kekuatan umat Islam untuk menghadapi musuh-musuh mereka yang pada luarannya kelihatan seolah-olah mereka bersatu-padu dan saling menghormati antara satu sama lain namun pada hakikatnya mereka bersikap prejudis dan negatif sehingga membolehkan berlakunya perpecahan sesama mereka. Oleh itu, jelaslah bahawa setiap hubungan persahabatan itu mempunyai haknya dan kita harus mengamalkan hak ini dalam menjaga dan memelihara hubungan sesama manusia agar hubungan silaturahim antara Muslim dapat dikuatkan lagi. Kita juga harus bersyukur dengan apa yang ada dan apa yang telah dikurniakan oleh Allah SWT kerana ia merupakan asas utama dalam hubungan persaudaraan dan persahabatan. Hasil kajian ini dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian kerana ia adalah teras utama dalam pembentukan masyarakat madani pada masa akan datang.

## Penghargaan

Manuskrip ini dihasilkan berasaskan dana Geran Penyelidikan Penerbitan sumbangan Global Academic Excellence (GAE).

## Rujukan

Al-Quran.

- Abdul Kadir, S. (2022). Didakwa bunuh gelandangan, dua sahabat berdepan tali gantung. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/didakwa-bunuh-gelandangan-dua-sahabat-berdepan-tali-gantung-354750>. Tarikh capaian, 18 April 2023.
- Adnan, N. (2022). Suami isteri ditemui mati, dipercayai dibunuh ahli keluarga. <https://www.sinarharian.com.my/article/210359/berita/semasa/suami-isteri-ditemui-mati-dipercayai-dibunuh-ahli-keluarga>. Tarikh capaian, 18 April 2023.
- Ahmad Pazil, N. H. (2020). Keakraban dalam Persahabatan dan Corak Interaksi di Media Sosial. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*. Jilid 36(4) 2020: 428-441.
- al-Fated, L. (2017). *Erti Sebuah Persahabatan*. <http://www.yadim.com.my/v2/erti-sebuah-persahabatan-2/>. Tarikh Capaian, 16 April 2023.
- al-Ghazali. (1994). *Bimbang Hidup Mukmin*. Penyusun, Noreine Abu. Jasmine Enterprise.
- al-Ghazali. (2008). *Bergaul Ala Penghuni Surga*. Indonesia : Mirqat.
- Anandari, A. A. & Afriyanto, D. (2022). Konsep Persaudaraan dan Toleransi dalam Membangun Moderasi Beragama pada Masyarakat Multikultural di Indonesia Perspektif Kh. Hasyim Asy'ari. *Jurnal Religi: Jurnal Studi Agama-Agama*. Vol. 18, No. 02. Juli-Des 2022. 64-86.
- Aziz, N. (2021). *Sosialisasi Gender dan Agama dalam Persahabatan Akrab Berlainan Jantina*. Tesis Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Antropologi Dan Sosiologi). Universiti Sains Malaysia.
- Harian Metro. (2019). *Orang Mukmin Tidak Ingkar Janji*. <https://www.hmetro.com.my/addin/2019/01/414716/orang-mukmin-tidak-ingkar-janji>. Tarikh capaian, 18 April 2023.
- Hasbi, A. (2022). Tiga sahabat berdepan hukuman mati. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2022/08/989115/tiga-sahabat-berdepan-hukuman-mati>. Tarikh capaian, 18 April 2023.
- Hayatin, N. (2004). *Persaudaraan Keagamaan dalam Katolik dan Islam* Portal Rasmi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia(April 24, 2018). *Tanggungjawab Sesama Muslim*. <http://www.islam.gov.my/e-hadith/1430-tanggungjawab-sesama-muslim>
- Hussein, I. L. (2022). Remaja perempuan didakwa membunuh teman lelaki. <https://www.hmetro.com.my/utama/2022/09/886807/remaja-perempuan-didakwa-bunuh-teman-lelaki>. Tarikh capaian, 18 April 2023.
- Jalal, B. (2012). *Nilai Persaudaraan Sebenar*. Berita Harian. Halaman, 37.
- Kamus Dewan. (2005). Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Md Amin, N. A. (2022). Kes baling pisau: Adik beradik harapan keluarga, taat agama. <https://www.sinarharian.com.my/article/226848/berita/semasa/kes-baling-pisau-adik-beradik-harapan-keluarga-taat-agama>. Tarikh capaian, 18 April 2023.
- Mohamad, N. I. (2021). Ugut bunuh bapa dan ahli keluarga. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2021/03/791386/ugut-bunuh-bapa-ahli-keluarga>. Tarikh capaian, 18 April 2023.

- Mokhtar, S. (2014). *Strategi Pelaksanaan Dakwah Jabatan Hal Ehwan Agama Islam Negeri Sabah dan Penilaian Modul Kerohanian di Penjara Sandakan*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mokhtar, S., Hajimin, M. N. H. H., Muis, A. M. R. A., Othman, I. W., Esa, M. S., Ationg, R., & Lukin, S. A. (2021b). Analisis Prinsip-Prinsip Komunikasi Islam dalam Kitab al-Quran. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6 (23), 140-156.
- Mokhtar, S., Mohd Shah, M. K., Ramlie, H., Othman, I. W., Ationg, R., Esa, M. S., Marinsah, S. A. (2021c). Rekayasa Dakwah KBAT Dalam Kalangan Mahasiswa Di Universiti Malaysia Sabah Menerusi Kursus Penghayatan Etika Dan Peradaban. *International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC)* 6 (39), 178-193.
- Mokhtar, S., Muda, N., Othman, I. W., & Esa, M. S. (2021a). Nilai Moral dalam Sajak ‘Ke Makam Bonda’ Oleh Usman Awang: Satu Analisis Bahasa, Nilai dan Struktur serta Kaitannya dengan Konsep Dakwah. *International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC)*. Vol. 6. Issue 41. (July 2021). 76-91.
- Mokhtar, S., Othman, I. W., & Thia, K. (2021f). Implementasi Konsep al-Falah dalam Aspek Keusahawanan Islam Menurut Perspektif al-Qurtubi: Satu Analisis. *International Journal of Accounting, Finance and Business (IJAFB)*, 6 (37), 144 - 156.
- Mokhtar, S., Othman, I. W., Ationg, R., & Esa, M. S. (2021d). Implementasi Dakwah Terhadap Etnik Sungai di Sabah: Satu Analisis Awal. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(40), 164 - 178.
- Mokhtar, S., Othman, I. W., Moharam, M. M., & Maidin, I. (2021e). Dakwah Bil Akhlak Kontemporeri: Satu Pendekatan dalam Konsep Keusahawanan Islam. *International Journal of Accounting, Finance and Business (IJAFB)*, 6 (37), 111 - 123.
- Mokhtar, S., Pullong, A., Hasbollah, M. N. H., & Adam, S. D. S. (2022c). Kepentingan Ilmu Dakwah Terhadap Pendakwah Kontemporeri Menurut Perspektif Muhammad Al-Ghazali: Satu Analisis. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(47), 324 - 337.
- Mokhtar, S., Ramlie, H., Januin, J., Jawing, E., & Abang Muis, A. M. R. (2022a). Analisis Persamaan dan Perbezaan Prinsip Komunikasi dalam Kitab al-Quran dan Veda. *International Journal of Education, Psychology and Counseling, (IJEPC)* 7 (45), 152-165.
- Mokhtar, S., Sharif Adam, S. D., Othman, I. W., & Esa, M. S. (2022b). Facebook: Satu Platform dalam Membentuk Kesepadan Nasional di Sabah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(47), 295 - 308.
- Mokhtar, S., Thia, K. & Ramlie, H. (2019). Pendekatan Dakwah JHEAINS terhadap Banduan di Penjara Sandakan: Satu Tinjauan Awal. *Jurnal al-Hikmah*. 11(2). 68-87.
- Muah, N. (2020). *Allah akan meninggikan darjat mereka yang maafkan orang lain*. <https://www.sinarharian.com.my/article/67146/sinar-islam/allah-akan-meninggikan-darjat-mereka-yang-maafkan-orang-lain>. Tarikh capaian, 18 April 2023.
- Norazman, S. A., & Mohammed Zabidi, A. F. (2021). Impak Media Sosial Terhadap Persahabatan. *Jurnal Wacana Sarjana*. Volume Xxx 2021: 1-15.
- Othman, I. W. (2019). Signifikasi Struktur Sosial Keluarga dan Hubungan Persahabatan dalam Mempengaruhi Pengalaman Ekspatriasi Ahli Akademik Universiti Awam Malaysia. *International Journal of Politics, Public Policy and Social Work*, 1(3), 14-31.
- Razak, F. A. (2023). Suspek dan Zarina ada pertalian ahli keluarga. <https://www.hmetro.com.my/utama/2023/01/929490/suspek-dan-zarina-ada-pertalian-ahli-keluarga-metrotv>. Tarikh capaian, 18 April 2023.

- Razif, M. (2018). *Al-Afkar #13: Hukum Beramat Untuk Mendapatkan Khadam Ayat.* <https://muftiwp.gov.my/artikel/al-afkar/2432-al-afkar-13-hukum-beramat-untuk-mendapatkan-khadam-ayat>. Tarikh capaian, 16 April 2023.
- Sabri, N. (2022). Rugi hampir RM118,000 terpedaya janji persahabatan. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2022/01/908035/rugi-hampir-rm118000-terpedaya-janji-persahabatan>. Tarikh capaian, 18 April 2023.
- Sholichah, I. F., Amelasasih, P., & Hasanah, M. (2022). Kualitas Persahabatan dan Harga Diri Mahasiswa Muslim. *Jurnal Psikologi Teori dan Terapan*. 2022, Vol. 13, No. 2, 164-170.
- Sinar Harian. (2019). Nilai persahabatan runtuh kerana politik. <https://www.sinarharian.com.my/article/63155/suara-sinar/lidah-pengarang/nilai-persahabatan-runtuh-kerana-politik>. Tarikh capaian, 18 April 2023.
- Yusof, A. & Abdullah, A. I. (2017). Adab Unggul Islam Dalam Persahabatan Antara Insan. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*. Vol. 1, No. 2 (2017), 102-112.
- Zakarya, D. A. (2022). Tikam ahli keluarga selepas dengar bisikan halus sembah berhala. <https://www.kosmo.com.my/2022/07/05/bunuh-selepas-dengar-bisikan-ibu-seambah-berhala/>. Tarikh capaian, 18 April 2023.